

Kemajuan Pelajar-pelajar Melayu di Makkah al-Mukarramah Mendapat Hadiah Scholarship ke Mesir dan ke Baghdad (oleh Ushman Arshad, Pengarah ruangan pelajar Melayu, radio Saudi Arabia)

Pada bulan yang lalu, Gabungan Penuntut Semenanjung (Gapas) Makkah al-Mukarramah telah mengadakan majlis jamuan teh bertempat di rumah Melayu, Syuaib Ali, kerana meraikan pelajar-pelajar yang berkelulusan di sekolah tinggi dan sekolah menengah pada tahun ini di Makkah al-Mukarramah, dan juga kerana memberi selamat perpisahan kepada pelajar-pelajar yang akan menyambung pelajaran mereka ke luar negeri. Majlis dibuka oleh saudara Abdul Majid Idris, setiausaha agung Gapas. Setelah saudara Sulaiman Ali membaca sedikit daripada ayat al-Quran al-Karim maka saudara Syafie Fakri Hasan, Yang di Pertua Gapas tampil kemuka menerangkan tujuan-tujuan majlis tersebut diadakan, dan beliau atas nama Gapas telah mengucap setinggi-tinggi tahniah kepada pelajar-pelajar yang berkelulusan pada tahun ini. Kejayaan pelajar-pelajar tersebut – kata beliau – adalah bererti kejayaan kita bersama. Pelajar-pelajar yang akan menyambung pelajaran mereka ke luar negeri, kita lepaskan mereka dengan perasaan suka bercampur duka, suka kerana merekalah tempat harapan kita dan harapan negara, kepada merekalah kita berharap untuk memimpin bangsa kita ke jalan bahagia. Di sebalik itu kita rasa duka kerana kita terpaksa berpisah dengan mereka entah berapa lama masanya.

Majlis diikuti dengan upacara majlis terbuka, saudara-saudara Usman Arshad, Ishak Muhammad Rejab, Muhammad Salleh Kelantan, Abdullah Sulaiman dan Ustaz Abdul Karim Isa telah turut memberi kata-kata yang

berharga. Majlis disulami dengan gurindam jenaka yang dihidangkan oleh saudara Abdul Aziz Fauzi Johar.

Akhir sekali Tuan Muhammad Jamil Salleh, Penasihat pelajar-pelajar Melayu di Makkah, telah memberi kata-kata nasihat yang berharga. Majlis diakhiri dengan doa selamat oleh saudara Muhammad Ahmad Melaka.

Bahagian Tinggi

Pelajar-pelajar yang mendapat diploma pada tahun ini ialah:

- 1) Kolej Perguruan Tinggi Makkah (Kuliah al-Mualimin)
Syafie Fikri Hasan Selangor, Ismail Zaki
Yaakob Kedah.
- 2) Kolej Undang-undang Islam Makkah (Kuliah as-Syari'ah)
Abdul Razak Ilias Selangor.

Bahagian Menengah

- 1) Maahad al-Alimi as Sa'udi Makkah : Abdullah Nasri Perak, Abdul Aziz Fauzi Haji Jaafar Johor, Muhammad Taib Hasan Pahang, Idris Abdullah Seberang Perai, Ahmad Taib Abdul Raof Kedah, Ilias Jadid Negeri Sembilan dan Daud Wan Nik pelajar dari Perlis.
- 2) Sekolah Menengah Azizah Makkah : Ushman Endut Kedah dan Abas Melaka.
- 3) Madrasah Darul 'Alimuddiniyah Makkah : Daud Junaidi Johor, Ismail Hashim Seberang Perai, Abdul Rahman Awang Kedah, Abdullah Ahmad Kedah, Ahmad Usman Kedah, Muhammad Tahir Usman Kedah, Abdul Hamid Umar Selangor, Muhammad Salleh Musa Kedah,

Badruddin Abdul Kadir Kedah, Muhammad Said Kasim

Pahang, dan Abdul Rahman Usman Kelantan.

4) Madrasah as-Sultih Makkah : Ahmad Mustaqim Haji

Nur Selangor, Abdul Hamid Rejab Seberang Perai,

Isa Abdul Latif, Umar Muhammad Nur, Muhammad Nur

Abdullah, Shamsuddin Ibrahim, Hamzah, Daud,

Wan Umar, dan Abu Bakar Ahmad Abu Bakar –

Semuanya dari Kelantan.

Pelajar-pelajar yang menyambung pelajaran luar dari

Makkah ialah:

- 1) Abdullah Nasri, keluaran al-Maahadi, telah berangkat ke Riyadh pada bulan yang lalu dengan kapal-terbang untuk menyambung pelajarannya di Fakulti Kesusasteraan (Kuliah al-Adab)

- 2) Muhammad Taib Hassan, keluaran al-Maahad akan menyambung pelajarannya di Universiti Azhar bahagian Fakulti Undang-undang Islam (Kuliah al-Syari'ah) dengan scholarship Mu'tamar Islam.

- 3) Muhammad Taib Abdul Rauf, keluaran al-Maahad, akan menyambung pelajarannya di Fakulti Kesusasteraan (Kuliah al-Adab) di Riyadh.

- 4) Usman Endut, keluaran Sekolah Menengah Aziziyyah akan menyambung pelajarannya di Universiti Baghdad, di Iraq, bahagian Ekonomi (Kuliah al-Tijarah wa al-Iqtisad).

Pelajar-pelajar yang telah bertolak ke Malaya ialah: Ahmad Mustaqim Haji Nur Selangor dan Abas Melaka.

Selamat Kembali ke Tanah Air

Setelah menuntut ilmu bertahun-tahun di Makkah al-Mukarramah



Di antara pelajar-pelajar kita yang baharu kembali dari Makkah al-Mukarramah ialah Ustaz Haji Ahmad Mustaqim bin Haji Nur Salim, yang baharu-baharu ini telah lulus dan mendapat Ijazah (baca beritanya dalam Muqalah ini).

Sayugia disebut Ustaz Haji Mustaqim pada 16 November yang lalu telah melangsungkan perkahwinannya dengan Usatzah Hajah Khadijah binti Imam Haji Abu Bakar seorang yang terkenal- di Pontian, dalam suatu upacara yang meriah. Selamat pengantin baharu!